



## **NESPRESSO DAN JOHANNA ORTIZ MENGABADIKAN UNSUR-UNSUR HUTAN UNTUK MUSIM PERAYAAN INI**

*Jenama kopi tersebut membuktikan dedikasinya kepada alam sekitar melalui pelancaran koleksi edisi terhad Gifts of the Forest*

**Petaling Jaya, 1 November 2021** – Bersempena musim perayaan ini, **Nespresso** telah bekerjasama dengan Johanna Ortiz, seorang pereka fesyen dari Colombia untuk mempesonakan para peminat kopi dengan pelancaran koleksi *Festive* pada tahun ini yang diilhamkan daripada hutan.

Berbekalkan inspirasi kecantikan dan misteri hutan semula jadi, koleksi 'Gifts of the Forest' daripada **Nespresso** mempamerkan dedikasi jenama tersebut terhadap persekitaran yang amat berharga di mana kopi ditanam. Koleksi ini menampilkan rangkaian kopi edisi terhad, bersama aksesori bertemakan perayaan, menjadikannya pilihan hadiah menarik buat keluarga dan rakan-rakan. Peminat kopi juga boleh memberi hadiah tersebut dengan senang hati pada musim perayaan ini kerana **Nespresso** akan menyumbang semula kepada hutan, melalui inisiatif jenama tersebut yang menjangkau komitmen perhutanan taninya dengan membantu melindungi 10 juta batang pokok di Amazon.

Bagi menghasilkan koleksi edisi terhad tersebut, **Nespresso** telah bekerjasama dengan pereka fesyen mewah dari Colombia, Johanna Ortiz, untuk menghasilkan beberapa rekaan inovatif yang mengadunkan unsur-unsur alam semula jadi dengan kelestarian untuk membawa pencinta kopi melangkah ke dunia perayaan **Nespresso**.

Johanna Ortiz berkata, "Bagi saya, rekaan dan alam semula jadi amat serasi dan inilah sebabnya kolaborasi ini cukup bermakna buat saya. Kopi Colombia juga amat istimewa buat saya dan sebagai penyokong kuat usaha menangani perubahan iklim, usaha sama ini amat bermakna kerana **Nespresso** mengambil inisiatif yang melebihi komitmen perhutanan taninya dengan menyokong perlindungan 10 juta pokok di Amazon. Semasa menghasilkan koleksi ini, saya telah merakamkan keindahan hutan dalam setiap rekaan, dengan menggabungkan sudur hutan yang kaya dengan tona warna bumi yang gelap. Pengalaman ini merupakan satu proses dan usaha sama hebat yang amat menyeronokkan buat saya."

## Terokai rangkaian kopi *Forest Variations Nespresso*

Dari buah-buahan ke sudur hutan yang dihiasi pelbagai spesies pokok, rangkaian kopi *Festive* tahun ini menampilkan dua kopi berperisa dan satu kopi hitam.



### **Temukan aroma misteri *Forest Black***

Sudur hutan melitupi kopi *Forest Black* untuk melindungi aroma yang tersembunyi di dalam setiap biji kopi. Temui keunikan campuran kopi yang ditanam di bawah teduh dari Colombia dan beberapa lokasi lain. Espresso yang pedas dengan aroma kayu eksotik akan membawa tunas rasa anda meneroka pendalaman hutan.



### **Nikmati rasa buah beri Hutan dengan perisa *Forest Fruit***

Seperti permata yang menghiasi lantai hutan, buah-buahan hutan adalah hadiah daripada pokok kepada kita. Aroma buah beri menyerikan espresso berperisa ini manakala karakter biji kopi Arabica dari Amerika Selatan menyuntik rasa pastri manis yang menimbulkan suasana perayaan.



### **Raikan khazanah pokok dengan perisa *Forest Almond***

*Forest Almond* adalah perisa kegemaran peneroka hutan musim ini. Dengan perisa kacang manis yang diadun sempurna dengan biji kopi Arabica dari Amerika Selatan di dalam espresso ini, bersedialah untuk menemukan rasa badam yang digabungkan dengan vanila dan sedikit rasa buah-buahan di dalam karakter bijirin halus kopi ini.

### **Cipta kelainan dengan Kopi *Nespresso* eksklusif dari koleksi *Gifts of the Forest***

Peminat **Nespresso** boleh memberi kejutan dan menggembirakan para tetamu dengan resipi kopi *Gifts of the Forest* yang lazat, direka khas untuk menghasilkan pengalaman deria yang lebih hebat. Setiap resipi kopi telah diatur oleh **Nespresso** untuk disesuaikan dengan koleksi *Gifts of the Forest*, menggabungkan rasa alam semula jadi dan sofistikasi di dalam setiap gelas.

Untuk pelbagai inspirasi kopi, layari

<https://www.nespresso.com/recipes/my/en/recipes.html>.

Untuk meraikan musim perayaan yang mengujakan ini, Nespresso akan mengadakan acara umum di Pavilion Kuala Lumpur, Connection, Level 3 dari 17 November 2021 hingga 2 Januari 2022. Para pencinta kopi boleh menikmati musim perayaan ini dengan merasai kopi **Nespresso *Forest Variations*** edisi terhad dan dapatkan kit penanam DIY eksklusif untuk semua pembelian mesin di acara tersebut.



### **Hadiahkan *Gift of the Forest* dengan aksesori edisi terhad *Nespresso***

**Nespresso** juga menawarkan rangkaian aksesori dan hadiah edisi terhad pada musim perayaan ini untuk anda memberi kejutan kepada yang tersayang.

### **Tambah kemeriahan warna dengan bekas air kembara *NOMAD Nespresso x Johanna Ortiz***

Bagi mereka yang ingin menikmati rangkaian kopi 'Gifts of the Forest' dari **Nespresso** semasa mengembara di dalam hutan, keluarga dan rakan-rakan boleh menghadihkan bekas air kembara *NOMAD* terkini dari **Nespresso** kepada peminat kopi. Sebagai sebahagian daripada usaha sama dengan Johanna Ortiz, bekas air kembara tersebut disesuaikan dengan unsur alam kerana ia didatangkan dalam rona 'Deep Cherry', menyerupai buah beri masak yang boleh ditemui di dalam hutan.

### **Beri kejutan dan gembirakan orang yang tersayang dengan hadiah eksklusif**

Selain daripada penawaran kopi, **Nespresso** juga teruja untuk menampilkan satu produk yang direka khas untuk musim perayaan. Pembeli boleh mendapatkan beg tote kapas organik yang boleh dipakai dari bahagian luar atau dalam. Beg jinjing ini direka dengan corak tersendiri *Nespresso x Johanna Ortiz*, mempamerkan sudur hutan yang begitu menawan dan merakamkan ciri-ciri hutan sebenar.

### **Bagi peminat kopi yang menyukai rekaan menyerlah**

**Nespresso** juga telah mengubah suai bekas air ikoniknya, TOUCH Travel Mug. Semasa musim perayaan ini, bekas air kembara tersebut juga boleh didapati dalam warna emas, bagi yang menginginkan sentuhan bergaya semasa sedang berkunjung ke sana sini. Pembeli boleh mendapatkan TOUCH Golden Travel Mug sepanjang tahun sebagai hadiah untuk keluarga, rakan, atau diri sendiri.

### **Hadiah penghargaan buat hutan**

**Nespresso** juga berbesar hati untuk bekerjasama dengan Conservation International bagi menyumbang semula kepada hutan di musim perayaan ini. Selama hampir 20 tahun, **Nespresso** telah memberi tumpuan kepada perlindungan alam sekitar melalui pelbagai projek perhutanan tani untuk melindungi ekosistem yang amat penting buat kebun-kebun kopinya. Bagi melanjutkan usaha melebihi penanaman kopi dan menyokong komuniti tempatan yang mendiami kawasan hutan, **Nespresso** juga mengumumkan sumbangannya untuk melindungi 10 juta pokok di Hutan Amazon di La Pedrera, Colombia. Inisiatif ini adalah usaha sama dengan Conservation International dan komuniti Madroño di La Pedrera. Pemeliharaan hutan memainkan peranan penting dalam visi kelestarian **Nespresso**, iaitu untuk menghasilkan secawan kopi yang membawa impak positif kepada dunia - dari ceri kopi hingga ke cawan.

### **Ketersediaan untuk Pembelian**

Rangkaian kopi **Nespresso Forest Variations** dan TOUCH Golden Travel Mug boleh didapati bermula 1 November 2021. **Nespresso Forest Variations** dijual pada harga RM27 setiap satu pek, manakala TOUCH Golden Travel Mug berharga RM149. Pembeli boleh mendapatkan kantung hadiah, kad hadiah dan servis bungkus mesin di butik **Nespresso**.



Buku Nota **Nespresso** dan Beg Tote Edisi Terhad **Nespresso** x Johanna Ortiz hanya boleh didapati sebagai hadiah untuk pembelian manakala bekas air kembara NOMAD berharga RM149. Item edisi terhad akan tersedia di kemudian hari.

**Nespresso Forest Variations** dan kesemua aksesoriya boleh didapati melalui aplikasi mudah alih **Nespresso**, laman web rasmi **Nespresso** (<https://www.nespresso.com/my/>), melalui Talian Khidmat Pelanggan di 1800 80 7001 (waktu operasi: setiap hari dari jam 08:00 hingga 22:00, bebas tol) serta di kedai butik **Nespresso** Malaysia di The Gardens Mall, 1 Utama Shopping Centre, Gurney Plaza dan IOI City Mall.

Untuk maklumat lanjut mengenai kempen ini, lihat *hashtag* kempen di #NespressoFestive, #GiftsOfTheForest, #NespressoMY, #NespressoJohannaOrtiz dan laman rasmi Instagram **Nespresso** Malaysia ([@nespresso.my](https://www.instagram.com/nespresso.my)), Johanna Ortiz ([@johannaortizofficial](https://www.instagram.com/johannaortizofficial)) dan Conservation International ([@conservationorg](https://www.instagram.com/conservationorg)).

- TAMAT -

### **Mengenai Nestlé Nespresso SA**

**Nestlé Nespresso SA** merupakan pelopor dan sumber rujukan untuk kopi kapsul yang paling berkualiti. Syarikat ini bekerjasama dengan lebih 110,000 orang petani dari 15 buah negara melalui program AAA Sustainable Quality™ yang menggalakkan amalan penanaman mampan di ladang pertanian serta kawasan lanskap di sekitarnya. Dilancarkan pada 2003 dengan kerjasama The Rainforest Alliance, program ini membantu meningkatkan jumlah hasil dan kualiti tanaman, memastikan bekalan kopi berkualiti tinggi yang mampan serta mempertingkatkan kehidupan para petani dan komuniti mereka.

Berpusat di Lausanne, Switzerland, **Nespresso** beroperasi di 82 buah negara dan mempunyai 13,900 orang perkerja. Ia juga mengoperasikan rantaian runcit sedunia dengan 816 buah butik pada 2020. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web korporat **Nespresso**: [www.nestle-nespresso.com](http://www.nestle-nespresso.com).

### **About Johanna Ortiz**

Founded in 2003 in Cali, Colombia, Johanna Ortiz is a global luxury lifestyle brand. Sold in over 17 countries at leading retailers, the brand now encompasses ready to wear, accessories, swimwear, and tabletop collections.

Headquartered in Cali, Colombia, Johanna Ortiz has built a foundation for longevity through commitment to community and purpose. She has met growth with strategy by developing a state-of-the-art atelier to ensure the conservation of artisanal craftsmanship knowledge, ancestral techniques, and cultural heritage. The Johanna Ortiz family is now over 360 people who take great pride in local production, job creation and the empowerment of women and Colombian artisans.

In 2017 Johanna Ortiz launched the 'Escuela Johanna Ortiz'; a training program that offers professional level seamstress and high-end embroidery courses at no cost. More than 60



women have completed this program and while there is no obligation to pursue jobs with Ortiz, most do.

In the Spring of 2020 Johanna Ortiz collaborated with H&M to deliver a capsule collection of her designs to women around the world. Not only did this collection celebrate women of all shapes and sizes in over 73 countries worldwide, it also marked the first collaboration the retail giant has ever done with a Latin American designer.

It is these initiatives that have garnered Ortiz invitations to the White House and the United Nations and earned her a coveted spot as of the Business of Fashion's 500: an index of the people shaping the global fashion industry.

A global ambassador for Colombia style, she continues to provide "South American Flavour" to women around the world. [www.johannaortiz.com](http://www.johannaortiz.com)

#### **About Conservation International**

Conservation International works to protect the critical benefits that nature provides to people. Through science, partnerships, and fieldwork, Conservation International is driving innovation and investments in nature-based solutions to the climate crisis, supporting protections for critical habitats, and fostering economic development that is grounded in the conservation of nature. Conservation International works in 30 countries around the world, empowering societies at all levels to create a cleaner, healthier, and more sustainable planet. Follow Conservation International's work on [Conservation News](#), [Facebook](#), [Twitter](#), [Instagram](#) and [YouTube](#).

#### **Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:**

Thai Jia Vay

Brand Communications Specialist

**Nespresso** Malaysia

Address: Level 22, 1 Powerhouse, No. 1, Persiaran Bandar Utama, Bandar Utama,  
47810 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

Tel: +6017-200 3386

E-mel: [JiaVay.Thai@nespresso.com](mailto:JiaVay.Thai@nespresso.com)

Goh Wen Jin / Douglas Tan / Jeremy Fong / Jacqueline Khoo

Burson Cohn & Wolfe

Tel: +6012-659-4833 / +6016-375 3703 / +6012-639 1779 / +6016-453 8183

E-mel: [MYNespresso@bcw-global.com](mailto:MYNespresso@bcw-global.com)